



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17/12/2018

Status Baitulmaqdis perlu kekal sedia ada

UM-17/12/2018 m/s:6

■ BANGKOK 16 DIS.


BAITULMAQDIS harus kekal seperti sedia ada dan mana-mana negara tidak berhak untuk memutuskan ia harus menjadi ibu negara Israel atau dibahagikan, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Australia juga mahu membahagikan Baitulmaqdis kepada Baitulmaqdis Barat sebagai ibu negara Israel dan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kota Palestin... semua ini hanya akan meningkatkan kemarahan,” katanya selepas menerima ijazah doktor kehormat kepimpinan sosial, perniagaan dan politik daripada Universiti Rangsit di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan wartawan *Reuters* di Bangkok berhubung keputusan Australia mengiktiraf Baitulmaqdis Barat sebagai ibu negara Israel.

Walau bagaimanapun, negara itu tidak akan memindahkan kedutaannya ke sana sehingga perjanjian damai dicapai antara Palestin dan Israel.

Semasa menghadiri Sidang



MAHATHIR MOHAMAD dan isteri, Tun Siti Hasmah Mohamad Ali bersama Dr. Arthit Ourairat dalam majlis menerima Anugerah ijazah doktor kehormat kepimpinan sosial, perniagaan dan politik daripada Universiti Rangsit di Bangkok semalam. - BERNAMA

Kemuncak ASEAN di Singapura bulan lalu, Dr. Mahathir menzahirkan kebimbangannya dengan rakan sejawatan dari Australia, Jim Morrison terhadap hasrat negara itu mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

“Kami perhatikan perkataan yang digunakan disusun dengan sangat teliti. Namun, pada pan-

dangan kebanyakan negara Arab, semua ini bukan sesuatu yang mereka boleh terima,” katanya.

Beliau berkata, Baitulmaqdis sentiasa berada di bawah Palestin dan mempersoalkan mengapa mereka mengambil usaha untuk membahagikan kota suci itu.

“Mereka tidak berhak... ia bukan milik mereka,” katanya.

- BERNAMA